

# Proton tidak akan dijual — Mahathir

UM 6 JUL 2001

Oleh FAUZI JAAFAR

**S**HAH ALAM 5 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan kerajaan akan menghalang Perusahaan Otomobil Nasional Bhd., (Proton) daripada dijual kepada syarikat automotif asing.

Perdana Menteri berkata: "Pada masa sekarang jika boleh kita halang. Jika terpaksa jual, bukan 100 peratus."

Proton memang mahu rakan teknologi yang baik, katanya pada sidang

akhbar selepas melawat kilang utama Proton di sini.

Bagaimanapun, tambahnya, Malaysia akan cuba sedaya upaya untuk mengelak daripada 'ditelan' oleh gergasi automotif.

Dr. Mahathir berkata, industri automotif sebenarnya menyediakan kepakaran kejuruteraan dan kemahiran kepada rakyat tempatan.

Tambah beliau dengan teknologi maklumat (IT) pula, Proton boleh meningkatkan prestasi keretanya.

Hari ini, tidak banyak pengeluar kereta kerana

banyak dibeli oleh gergasi automotif, jelasnya.

Ditanya bila Proton akan mula beroperasi ini Bandar Proton di Tanjung Malim, Dr. Mahathir berkata: "Kita sedang mengkajinya. Jika kita terlalu sesak di sini, kita akan pergi ke Tanjung Malim."

Sebelum ini, Proton bercadang untuk mengeluarkan kereta di kawasan kilang seluas 1,600 hektar di Tanjung Malim, Perak.

Bagaimanapun, cadangan itu ditangguhkan pada Januari 1998 ekoran kelembaran ekonomi dan untuk menjimatkan wang.

Ketua Pegawai Eksekutif Proton Datuk Tengku Mahaleel Tengku Ariff yang turut hadir di sidang media itu, berkata Proton berhasrat untuk berpindah ke Tanjung Malim, khususnya dengan pengeluaran model baru.

Sebelum itu, Perdana Menteri merasmikan keluaran Proton Waja yang ke-40,000 di kilang tersebut.

Beliau turut melawat kilang yang mengeluarkan model Waja di kilang utama, memuji tahap automasi yang dicapai di kilang itu serta reka bentuknya yang mesra pekerja.